

DIMENSI KOOP

ISSN -1823 - 1586 / BIL.85 [4/2025] / RM8.50

Koperasi Halal

PEMANGKIN EKONOMI INKLUSIF DAN MAMPAN



MS ISO 9001:2015



REG. No. QMS 01443

ISSN 1823-0008



9 771823 000003

01586

ISSN 1823-1586
RM 8.50
Bil. 85 (4/2025)
www.ikma.edu.my

KANDUNGAN

Dimensi Koop



01 6
Kepimpinan Koperasi Berteraskan Pengetahuan, Kemahiran dan Keupayaan (KSA)



02 16
Koperasi Halal: Pemangkin Ekonomi Inklusif dan Mampan



03 28
Memperkasa Pendidikan dan Latihan dalam Meningkatkan Sosioekonomi Anggota Koperasi



04 38
Strategi Melancarkan Tadbir Urus dan Perniagaan Koperasi




05 46
Inovasi dan Kepimpinan Belia dalam Koperasi: Transformasi Masa Depan Koperasi




06 58
Koperasi : Platform Pemacu Integrasi Ekonomi Asean



07 66
Aplikasi AI: Manfaat kepada Perniagaan Koperasi



08 76
Memperkasakan Penglibatan Belia dalam Gerakan Koperasi : Malaysia, Indonesia dan Filipina



09 88
Perusahaan Sosial Berasaskan Wakaf Produktif untuk Pemerksaan Perniagaan Koperasi



10 96
Koperasi: Pemerksaan Hidup Golongan Rentan OKU



DARI MEJA

Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dalam arus perubahan ekonomi global yang semakin mencabar, gerakan koperasi perlu tampil lebih tangkas, berprinsip dan berpaksikan nilai. Edisi Dimensi Koop kali ini mengangkat tema **“Koperasi Halal Pemangkin Ekonomi Inklusif dan Mampan”** sebagai satu seruan strategik agar koperasi tidak sekadar menjadi pemain sokongan, tetapi muncul sebagai peneraju dalam ekosistem halal negara.

Ekonomi halal hari ini bukan lagi terhad kepada produk makanan dan minuman, sebaliknya merangkumi keseluruhan rantaian nilai merentas sektor seperti perkhidmatan, logistik, pelancongan, kewangan dan gaya hidup. Dalam konteks ini, koperasi memiliki kelebihan unik sebagai entiti ekonomi berteraskan komuniti mampu menghubungkan pengeluaran kecil, usahawan mikro dan pengguna melalui model perniagaan yang adil, telus dan berimpak sosial. Peranan ini menjadikan koperasi sebagai wahana penting dalam memastikan pertumbuhan industri halal berlaku secara inklusif, tidak meminggirkan komuniti akar umbi. Lebih signifikan, penglibatan koperasi dalam ekosistem halal turut menyokong agenda kelestarian. Amalan tadbir urus yang baik, pematuhan pensijilan halal yang berintegriti, serta pengurusan rantaian bekalan yang bertanggungjawab mampu memperkukuh keyakinan pasaran

di samping memelihara kesejahteraan alam sekitar dan masyarakat. Pendekatan ini selari dengan aspirasi pembangunan mampan yang menuntut keseimbangan antara keuntungan ekonomi, impak sosial dan kelestarian alam.

Dimensi Koop edisi kali ini juga menghimpunkan pelbagai kupasan artikel yang menarik yang dapat membuka ruang percambahan ilmu dan idea baharu kepada para pembaca. Artikel seperti Inovasi dan Kepimpinan Belia dalam Koperasi: Transformasi Masa Depan Koperasi, Perusahaan Sosial Berasaskan Wakaf Produktif untuk Pemerksaan Perniagaan Koperasi serta Kepimpinan Koperasi Berteraskan Pengetahuan, Kemahiran dan Keupayaan (KSA) bukan sahaja memperkaya wacana intelektual dalam gerakan koperasi, malah menawarkan perspektif praktikal dan strategik untuk memperkukuh tadbir urus, kepimpinan serta daya saing koperasi dalam persekitaran yang semakin mencabar. Kupasan yang dibawakan turut memberi penekanan kepada keperluan inovasi, pemerksaan modal insan dan pengukuhan nilai teras koperasi sebagai asas kepada pembangunan yang lebih inklusif dan mampan. Selain itu, beberapa artikel lain turut dimuatkan untuk bacaan para koperator bagi memperluas pemahaman terhadap isu-isu semasa serta peluang baharu dalam landskap koperasi negara.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terus menyokong penerbitan Dimensi Koop. Semoga edisi ini menjadi sumber inspirasi dan panduan kepada warga koperasi untuk memperkukuh peranan mereka sebagai pemangkin ekonomi yang inklusif, beretika dan mampan. Dengan komitmen bersama, koperasi berupaya muncul sebagai tonggak penting dalam membina ekosistem halal negara yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Mohd Zaib Mat Yunus

SIDANG REDAKSI

Dimensi Koop



PENAUNG/PENASIHAT
DATUK MOHD ALI MANSOR
KETUA PENGARAH



KETUA EDITOR
MOHD ZAIB MAT YUNUS



TIMBALAN KETUA EDITOR
NOR AZLINA KASSIM

SIDANG EDITOR



DR. MOHD SHAHRON
ANUAR SAID



AZMALIZA
ARIFIN



NORHAYATI ABD.
RAHMAN



SALWANA
ALI



MOHD NUSI ABD
RAHMAN



NOR ARMA
ABU TALIB



HASRIN
ABU HASSAN



NORANITA
MOHD NOR



NOR ALYANI ABDUL
RAZAK



JULIZAH
SABSTU



INTAN NUR AZREEN
MOHAMAD RADZI



SHARIFAH SHUZAIDA
SAEDIN



ROHALINDA
AHAD



MOHAMAD SUANDI
MORTADZA



SHAMSAH
SYAMSUDIN



ZAHARATUL LAILI
ZAKARIA